


**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN  
KURSUS PENGAJIAN AL-HADITH**

**MODUL III**

**HADITH-HADITH MENGENAI PEMBANGUNAN INSAN DAN MASYARAKAT**

**JANUARI 2019**

**MASA : 1 JAM**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan:**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **dua** (2) soalan. Setiap soalan mempunyai **25 markah**.*
2. *Jawab **satu** soalan sahaja.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi **3** halaman yang bercetak.

[Lihat Halaman Sebelah  
**SULIT**

Arahan: Sila jawab **satu (1)** soalan sahaja.

**Soalan Pertama**

عن أبي سعيد الخدري رضي الله عنه قال سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول من رأى منكما منكرا فليعيره بيده فإن لم يستطع فليسانيه فإن لم يستطع فقلبه وذلك أضعف الإيمان

**Terjemahan :** Daripada Abu Sa'id al-Khudri r.a. katanya, aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesiapa daripada kamu semua yang melihat mungkar maka cegahlah ia dengan tangannya, sekiranya dia tidak mampu maka [cegahlah] dengan lidah, jika tidak mampu [bencilah] dengan hati, dan perkara (benci dengan hati) itu adalah selemah-lemah iman."

- (1) Jelaskan konsep amar makruf nahi munkar.

(10 markah)

- (2) Apakah bentuk-bentuk kemungkaran yang wajib dicegah? Jelaskan dengan huraian dan contoh yang sesuai.

(15 markah)

**Soalan Kedua**

عَنْ أَبِي مُوسَى، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «مَثَلُ مَا بَعَثَنِي اللَّهُ بِهِ مِنَ الْهُدَى وَالْعِلْمِ، كَمَثَلِ  
الْعَيْثِ الْكَثِيرِ أَصَابَ أَرْضًا، فَكَانَ مِنْهَا نَقِيَّةٌ، قِيلَتِ الْمَاءُ، فَأَنْبَتَتِ الْكَلَأَ وَالْعُشْبَ الْكَثِيرَ، وَكَانَتْ  
مِنْهَا أَجَادِبُ، أَمْسَكَتِ الْمَاءَ، فَنَفَعَ اللَّهُ بِهَا النَّاسُ، فَشَرِبُوا وَسَقَوْا وَزَرَعُوا، وَأَصَابَتْ مِنْهَا طَائِفَةٌ  
أُخْرَى، إِنَّمَا هِيَ قِيَاعٌ لَا تُمْسِكُ مَاءً وَلَا تُنْبِتُ كَلَأً، فَذَلِكَ مَثَلُ مَنْ فَقُهَ فِي دِينِ اللَّهِ، وَنَفَعَهُ مَا بَعَثَنِي  
اللَّهُ بِهِ فَعَلِمَ وَعَلِمَ، وَمَثَلُ مَنْ لَمْ يَرْفَعْ بِذَلِكَ رَأْسًا، وَلَمْ يَقْبَلْ هُدَى اللَّهِ الَّذِي أَرْسَلْتُ بِهِ»

**Terjemahan :** Daripada Abu Musa RA, daripada Nabi SAW, bersabda: “Perumpamaan hidayah dan ilmu yang Allah mengutus daku dengannya seperti hujan lebat yang menimpa tanah. Di antara tanah itu adalah tanah subur yang menyerap air sehingga menumbuhkan tanaman dan rerumputan banyak. Adapun tanah ajadib (gembur) yang menampung air lalu Allah menjadikannya bermanfaat bagi manusia di mana mereka bisa meminumnya, mengairinya, dan mengairi ladangnya. Air hujan itu juga menimpa jenis tanah lain iaitu tanah qian (tandus) yang tidak bisa menampung air dan menumbuhkan tanaman. Demikian itulah perumpamaan orang yang fakih agama yang memanfaatkan apa yang Allah utus aku dengannya untuk dipelajari dan diajarkannya, juga perumpamaan orang yang tidak mempedulikannya sedikit pun dan tidak menerima petunjuk Allah yang aku diutus dengannya.”

(HR. Al-Bukhari no. 79 dan Muslim no. 2282)

- (1) Dalam hadith di atas, terdapat beberapa ciri yang menjelaskan tentang seseorang itu diletakkan sebagai orang yang berilmu atau tidak. Jelaskan dengan terperinci.

(15 markah)

- (2) Realiti hari ini terdapat kuliah, ceramah dan forum yang dikendalikan oleh para ustaz dan ustazah. Pada pandangan anda, apakah kriteria sebenar yang perlu ada pada seorang yang boleh dipanggil dengan panggilan “ustaz dan ustazah tersebut”? Jelaskan.

(10 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**